

## MEDIA INTRINSIK DAN INTIMIDASI MAKLUMAT: FITNAH DAN FABRIKASI

Nordi Achie

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

Tel: +6012-8200425 Emel: [nordi@ums.edu.my](mailto:nordi@ums.edu.my)

### ABSTRAK

Kertas ini bertujuan mencerakinkan bahaya (nyata mahupun halus) di sebalik perkembangan media internet yang mulai menular secara perlahan-lahan di Malaysia sejak pertengahan 1990-an. Ketika itu, Malaysia sedang berpesta dengan propaganda kepentingan teknologi maklumat secara masif sehingga tertubuhnya program dan fakulti teknologi maklumat di universiti awam. Sambutan rakyat terhadap teknologi maklumat juga kelihatan sangat mengujakan hasil daripada keberkesanan kempen kontinuitif pihak kerajaan. Persoalannya, apakah rakyat Malaysia sudah bersedia untuk mendedaki cabaran mancadimensi akibat daripada ledakan maklumat (sahih dan palsu) atau mereka sekadar menjadi pengguna sotoloyo teknologi maklumat semata-mata. Setakat manakah mereka mampu berperanan sebagai pengguna rasional, selektif dan konstruktif? Kajian ini dilakukan dengan pendekatan analisis kritis terhadap pelbagai bentuk maklumat yang diserantakan secara meluas (tanpa sekatan) menerusi media internet sejak pertengahan kedua 1990-an, dengan memberikan tumpuan khas terhadap isu-isu semasa nasional dan global (politik, ekonomi dan sosial). Hasil kajian ini menegaskan bahaya media internet terhadap pemikiran dan sikap pengguna menjadi lebih buruk dan semakin buruk kerana fitnah dalam pelbagai bentuk dan caranya telah tersebar dengan liar (tanpa batasan dan tapisan) menerusi media internet.

**Kata kunci:** Fitnah, Maklumat, Media, Teknologi

### 1. Pengenalan

Sebelum bermoktahnya dasawarsa 1990-an, berlaku perubahan sporadik terhadap evolusi dunia maklumat di serata dunia. Dengan perkembangan teknologi telekomunikasi yang serba canggih, gugusan maklumat bercempera dan berlegar secara pantas. Dunia yang sebegini luas, menjadi semakin kerdil. Fenomena ini dikenali sebagai desa global (*global village*). Bayangkanlah, siapakah yang tidak ingin menguasai dunia ini, padahal mereka kuasa besar yang mampu melakukannya? Arus teknologi maklumat yang begitu deras dan lekit, kini menjalar dan menebar ke seluruh pelosok dunia. Dunia tanpa sempadan ini terbentuk hasil daripada perkembangan internet. Tidak ada sesiapa pun yang mahu ketinggalan melewati ledakan maklumat yang serba global. Akibatnya, empayar maklumat menjadi satu kuasa baharu dalam abad ke-21. Ini merupakan kesan mutakhir yang merembes dalam kehidupan manusia sejagat. Lantaran itulah, abad ke-21 dikenali sebagai *The Age of Information* dan *The Wave of Information*. Dunia bukan lagi semata-mata perumah Bani Adam. Dunia merupakan pembiak maklumat (sahih dan sesat) – dunia siber. Dalam dunia siber ini, internet muncul sebagai media maya, media digital dan media sosial vitalistik sejajar dengan globalisasi maklumat. Apakah kesudahannya?

### 2. Bahaya Disebalik Teknomedia

Media massa sama ada media cetak, media elektronik dan media terkini, media tanpa wayar iaitu media internet, memperkuuh dan memperluas pengaruhnya terhadap kehidupan global. Ini bermakna status media sebagai kuasa keempat dalam negara maju dan membangun akan menjadi lebih viralistik. Mahu tidak mahu, kita berdepan dengan simpang-siur cabaran yang lebih getir (kelam-kabut dan haru-biru), di samping terkejar-kejar dengan urusan yang membingungkan dan

membengongkan. Biarpun banyak sistem pengurusan maya dan pangkalan data dibangunkan, tetapi sebahagiannya hanya memenatkan, menjengkelkan dan menyusahkan urusan pengguna dalam situasi tertentu. Contohnya, para guru di Malaysia berdepan dengan beban kerja yang berlebih-lebihan kerana memasukkan kerencaman data akademik pelajar dari semasa ke semasa. Segala-galanya bergerak pantas. Dunia tersentak dengan kemunculan internet dan berlumba-lumba menggunakannya sekali gus menjadi mangsanya, tidak mahu diketepikan dan ketinggalan; malah tanpa disedari, sebenarnya oligarki Yahudi global mempunyai agenda dan motif tersendiri (Chomsky, 2017). Bagi puak yang jahil tentang sejarah dunia, mereka menduga ancaman ini hanyalah teori konspirasi. Mata hati mereka masih terkatup sebab mereka culas membaca dan cuai berfikir.

Internet sangat berguna kepada manusia kerana ia merupakan prasarana (ada kalanya disebut sumber) maklumat mutakhir. Melalui internet, kita dapat mengetahui pelbagai perkembangan semasa dan meramalkan perkara yang mungkin berlaku (Stiglitz, 2012). Penyebaran maklumat tidak terbatas kepada hal ehwal tempatan dan nasional, bahkan membabitkan perkembangan rencam di peringkat serantauan dan seantero dunia. Peranan internet yang sebegini penting menyebabkan manusia sentiasa berinformasi dan terlebih informatif tanpa kawalan sekali gus melahirkan masyarakat celik informasi (*perhatian*: masyarakat bermaklumat berbeza dengan masyarakat berilmu). Oleh itu, masyarakat dianggap menjadi lebih peka dan prihatin dengan perkembangan semasa. Benarkah?

Perlu ditegaskan, hanya maklumat yang pantas tersebar, namun ilmu masih bertunas secara perlahan, bahkan sebahagian daripada penemuan ilmiah sengaja dirahsiakan dalam lingkaran kelompok terpilih kerana ilmu merupakan kuasa yang dipertuankan. Keberlimpahan maklumat yang bersumberkan internet mungkin membolehkan kita membezakan antara maklumat benar dan palsu. Tidaklah mustahil, ia menjadikan kita lebih kritis, rasional dan berhati-hati untuk menerima sesuatu maklumat kerana internet turut berperanan sebagai media semak dan imbang. Hasilnya, dunia yang dahulunya ditaburi dengan duri-duri maklumat palsu (media arus perdana), kini berhadapan pula dengan serbuan maklumat maya yang harus disaring; namun ini bukanlah semudah yang kita sangkakan kerana manusia culas dan cuai berfikir (Fromm, 2020).

Seiring dengan perkembangan media maya dan media digital, puak pemalsu maklumat (fitnah) lebih licik dan lihai untuk memerangkap manusia lantas mengakibatkan pengguna (warga netizen) sukar membandingkan antara kepalsuan dengan kesahihan. Taktik politiking dengan mengeksplotasi dan memanipulasikan media arus perdana – demi muslihat kaum elit politik, ekonomi dan kolaborator mereka – semakin dicabar dan terus tercabar. Masyarakat bermaklumat (sekali lagi diingatkan, ini bukanlah bermakna mereka berilmu) mungkin semakin bijak memilih dan menapis maklumat atau sebaliknya. Mereka tidak lagi meneguk bulat-bulat dan menjilat licin semua maklumat yang disogokkan oleh media arus perdana. Jendela minda mereka semakin terbuka, namun ini tidaklah semestinya benar dalam semua situasi dan ia tidak semestinya benar untuk setiap orang. Persoalannya, apabila minda terngaga dengan maklumat fitnah, apakah risikonya?

Perlu disedari, proses penapisan maklumat (media konvensional mahupun media maya dan media digital) bukanlah mudah kerana proses ini memerlukan ilmu dan pemikiran kritis (Mohd. Abdullah Michael, 1995). Pemikiran dan semangat kritisisme harus bermula dengan budaya *iqra'*. Di Malaysia, budaya *iqra'* masih terlalu jauh ketinggalan berbanding dengan negara-negara maju, sekadar indah khabar dari rupa. Lebih malang lagi, pensyarah-pensyarah di universiti pun sangat jarang dan amat sedikit yang benar-benar menyintai buku ilmiah. Yang mereka “sembah” ialah poketisme dan perutisme (Nordi Achie, 2022).

### 3. Menikam Kejam, Merejam Tajam

Internet (media maya dan media digital) sememangnya berperanan penting sebagai salah satu “mukjizat” moden yang mampu membentuk pemikiran dan sikap masyarakat. Hegemoni dan dispora pengaruh internet menjadi lebih ampuh, namun dikhuatiri korupsi internet turut semakin membobrokkan kehidupan manusia. Internet tidak mengenal sempadan, justeru kesannya (buruk baik) juga tidak berbatasan – fitnah terbesar di serata muka bumi ini dengan ligat, lincah dan liar (Petras dan Veltmeyer, 2014). Tidak dinafikan, dengan menggunakan internet (media maya dan media digital), pihak berkuasa dapat membentuk rakyat dan negara berdasarkan acuan murni yang dimahukan mereka. Pada dasarnya, andai masyarakat harmonistik yang diinginkan, justeru terbinalah masyarakat harmonistik. Sebaliknya, jika masyarakat antagonistik yang dimahukan, terbentuklah masyarakat anarkistik. Idealisme ini logik. Namun barang diingat, manusia terlalu mudah mempercayai mata dan telinganya sendiri tanpa menyedari perlakunya pemutarbelitan dan pemalsuan maklumat. Bahaya ini bagaikan telur di hujung tanduk.

Selain menjadi mangsa fitnah maklumat, manusia cenderung terjebak dengan sikap ambil mudah dan terlalu mementingkan diri sendiri (tidak ambil peduli dengan kebaikan orang lain dan masyarakat sekitarnya). Bala ini bukanlah semata-mata disebabkan oleh kecuaian-muaian masyarakat, malah akibat kerakusan manipulator media dan kaum penguasa di sebalik media. Ini benar-benar merupakan kejahanan yang paling jahat (Machiavelli, 1989). Media dan maklumat yang diselewengkan pasti menyebarluaskan malapetaka yang besar dalam pelbagai cara dan bentuk. Hanya masa menentukan, cepat atau lambat. Namun, angkara bebalisme dan bobrokisme manusia (Nordi Achie, 2021), bahaya yang dahsyat ini sering kali dipandang enteng – sudah terhantuk barulah nak terngadah. Mereka pura-pura tidak sedar dan buat-buat tidak peduli, sebenarnya mereka sedang bermain dengan api.

Secara tersembunyi, kita sedang diheret dan diperangkap dalam agenda makar Order Baharu Dunia (*New World Order*), tajaan elit Yahudi global dan kolaborator mereka, berpangkalan rahsia di Amerika Syarikat (Epperson, 2012). Jika korupsi media dan maklumat apatah lagi pada zaman siber ini tidak diwaspadai dengan segera dan serius, tidaklah mustahil media (dalam apa-apa bentuk sekalipun) akan menjadi bahan bakar manusia bodoh yang diperbodohkan oleh kebodohan mereka sendiri. Di samping media arus perdana yang sering dipandang kontroversial itu, isi kandungan media maya dan media digital kelihatan lebih berbahaya daripada segala bahaya – *facebook*, *youtube*, *instagram* dan sebagainya (Mantle, 2013).

### 4. Duri Dalam Daging

Tidakkah kita memerhatikan gelagat manusia siber? Mereka bagaikan rerama yang mengejar api. Cahaya api yang bersinar indah dan haba api yang berbahang, terasa nyaman dari kejauhan, apatah lagi dalam kedinginan malam. Rama-rama pun berkejar-kejaran dan beriang gembira ketika mengelilinginya. Rerama tidak tahu bahaya sedang menantinya. Begitulah perumpamaan manusia siber. Sebelum tidur, mereka menatap telefon pintar. Racun dan madu dipam bertali arus dalam mindanya. Biarpun madu baik untuk kesihatan, namun apabila jumlahnya terlalu banyak dan terlalu kerap, madu boleh menjadi racun. Sejurus bangun daripada tidur, mereka terus mencari telefon pintar. Lagi-lagi telefon pintar. Ternyata, betapa ramainya manusia siber telah menjadi hamba teknologi. Tidur, bangun, kerja, rehat, makan, bersenam dan sebagainya – kesemuanya berkepit dengan telefon pintar. Reka bentuk telefon pintar sebenarnya biasa-biasa sahaja. Yang mencandui manusia siber ialah isi kandungannya: media maya, media digital dan media sosial.

Ekoran kerancakan dan kebejatan pengaruh teknologi maklumat, peranan internet (baca: pemanipulasi internet) menjadi lebih masif, agresif dan wenangan, malah sering kali melampaui batas. Globalisasi sama persis dengan neoimperialisme (Lim dan Har, 2007). Dilihat dari dimensi positif, internet bukan sekadar berperanan sebagai penyampai maklumat berpuakalan, bahkan sebagai medium utama untuk melepaskan segala sesuatu yang terbuku dalam hatinya. Bayangkanlah, setiap individu berhak dan bebas menulis serta memperkatakan apa-apa sahaja isu melalui internet. Akibatnya, warga maya tidak lagi dapat membezakan antara keperluan dan kemahuhan. Semua isu dibelasahnya, direspons sesuka hati. Otaknya dikepit di bawah ketiak. Dengan keterbukaan internet, manusia mempunyai lebih banyak ruang untuk bersuara, berdebat dan berwacana, namun amat sedikit yang benar-benar berani menegakkan kebenaran. Kebanyakan warga maya hanya berlagak berani di alam maya. Berani bersembunyi, bacul menzahirkan diri.

Di sebalik keberantakan media maya dan media digital, terselip pula hikmah dan ibrah tertentu. Melalui internet, jenayah-jenayah kolar putih (kelas atasan) yang tersembunyi dapat dibongkar secara terbuka. Internet merupakan wahana pembongkar ketempangan, kecuaian dan kejahatan yang berlaku dalam masyarakat. Kezaliman dan kerakusan individu atau institusi terbabit dapat didedahkan dengan berani dan lantang. Kepincangan dan kecurangan yang terdapat dalam institusi kenegaraan dan global turut dibongkar secara terbuka (Gingell, 2001). Perkembangan mutakhir dalam dunia maklumat ini tentunya sangat dikemaruki masyarakat yang dahagakan media maya dan media digital. Sebaliknya, perkembangan ini menimbulkan keresahgelisahan kaum berkuasa kerana pengaruh internet berpotensi besar mengugat kepentingan mereka, ibarat senjata makan tuan.

Paling berbahaya, di sebalik pembongkaran kebenaran, terselip pula sumbu fitnah tersembunyi yang lebih perit terhadap manusia global (Coleman, 2014), seperti penipuan yang pernah dilakukan secara licik dan lunak oleh World Health Organization (WHO), syarikat-syarikat vaksin global dan kementerian-kementerian kesihatan hampir di seluruh dunia dalam isu vaksin ujikaji dan Covid-19. Dalam konteks Malaysia, kritikan saintifik terhadap vaksin ujikaji diterajui oleh Persatua Pengguna Islam Malaysia, dengan sokongan lebih 20 NGO di seluruh negara, tetapi kritikan ini tidak disiarkan menerusi media arus perdana kerana dikhuatiri mencabar propaganda kerajaan. Tindakan kerajaan memaksakan (biarpun tidak diwajibkan) rakyat mengambil vaksin ujikaji Covid-19 turut bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Angkara terlalu taksub dengan media arus perdana, terlalu ramai rakyat di negara ini yang mendaftarkan diri mereka sebagai tikus makmal di pusat-pusat vaksinisasi. Kebobrokan propaganda ini merupakan penjelmaan dajalisme dan drakulisme.

## 5. Gelombang fitnah Global

Sebagai media yang mempunyai kelebihan tersendiri, internet (media maya dan media digital) berperanan penting menyerantakan ilmu, tetapi sangat sedikit manusia yang benar-benar menjawai ilmu, khasnya bacaan ilmiah dan wacana kritis; sebaliknya, kebanyakan manusia ketagih dengan bahan hedonistik (hiburan liar) dan terpukau dengan bacaan santai murahan, seperti gosip, glamoriti, seksualiti dan sebagainya. Sebenarnya, ilmu dan maklumat ialah dua entiti yang berbeza, namun sesetengah pensyarah universiti gagal membezakannya (Nordi Achie, 2022 dan Campbell, 2020). Maklumat ialah data dan fakta. Ilmu ialah himpunan data dan fakta yang dikutip dan ditapis menerusi metode ilmiah, serta dianalisis secara ilmiah. Meskipun kritisisme merupakan tuasnya (metode dan analisis ilmiah), namun sebahagian profesor dan saintis di negara ini tidak berfikiran kritis. Selamanya, mereka tidak mampu menghasilkan inovasi, sekadar *inobasi* yang sering dipekiklolongan. Kesudahannya, Malaysia masih terkial-kial di takuk lama iaitu kekal berstatus negara membangun, negara pengguna, negara pembeli dan negara pengekor. Sehingga kini, tidak ada

inovasi sains dan teknologi yang mampu mengangkat Malaysia sebagai negara industri global – sekadar menjadi jaguh kampung sahaja.

Pada era Covid-19 (2000-2022), internet telah memperluas komunikasi dan wacana maya di seluruh dunia. Dalam mandala keilmuan, para ilmuwan tidak perlu menjelajah ke serata dunia untuk mengembangkan idea (hasil penyelidikan dan penulisan) mereka. Internet telah mempermudah urusan dan keperluan manusia sehari-hari. Jelas, internet telah meratakan dunia (Friedman, 2010). Kegiatan dan arena keilmuan semakin mudah mendekati manusia. Betapapun demikian, sebahagian manusia tidaklah benar-benar menyintai ilmu, bahkan para akademikus di universiti hanya memperalatkan ilmu untuk kenaikan pangkat semata-mata. Inilah parasit drakulisme.

Perlu disedari, segala sesuatu ada batasannya. Maklumat yang bersifat bisu tidak dapat berbicara dengan sendirinya. Justeru, peranan vitalistik manusia ialah menapis maklumat, namun ini merupakan proses yang amat sukar dan memakan masa. Akibatnya, betapa ramai manusia yang menjadi mangsa dajalisme iaitu kebangsatan maklumat palsu, dusta dan keliru. Tidak dinafikan, internet turut membekalkan matan keilmuan yang bersifat mancadimensi dan mancadisiplin. Internet menyebarluaskan hamparan ilmu yang tidak terbatas. Seiring dengan itu, manusia zaman siber ini dapat memanfaatkan pelbagai ilmu dengan lebih mudah tanpa banyak kekangan dan karenah birokrasi. Di sebalik manfaatnya, banyak pula buruknya – angkara kefasikan nafsu manusia (Petras dan Veltmeyer, 2014).

Zaman ledakan maklumat (dicemari dengan lebih banyak maklumat rencahan, lecehan dan hinaan) tidaklah semestinya sinonim dengan zaman pencerahan ilmu. Dewasa ini, terlalu banyak maklumat yang mencemaskan terus bergantayangan menerusi media maya. Yang memerlukan, ilmu mistik, ilmu kebatinan dan ilmu hitam turut mendapat tempat melalui internet. Siapa dapat menghalang, suatu hari nanti, internet mungkin menjadi medan pertarungan mistikisme, biarpun kedengaran karut oleh sesetengah manusia moden (Black, 2015). Pada 2021, persidangan global mengenai dunia perbomohan dan mistikisme telah diadakan di UNIMAS (2021). Bukankah tunasnya mulai bercambah? Adakah mistiksime akan menyaingi saintisme atau pengaruh mistikisme terhadap saintisme sengaja dirahsiakan – siapa tahu? Sekali lagi, idea ini kedengaran mustahil, namun akar kebenarannya pernah dibongkar secara ekstensif (Black, 2017). Puncanya, kita tidak tahu (angkara malas menelaah) betapa banyak fakta yang disembunyikan dalam sejarah manusia. Jerat apakah yang sedang menanti mangsanya?

## 6. Neokolonialisme Media Dajalisme

Semenjak awal abad ke-21, nampaknya internet dan masyarakat semakin sinkronistik. Ini sejajar dengan kemansangan pesat pengaruh internet dalam kehidupan global. Betapa tidak, hampir setiap rumah dalam negara ini mungkin mampu memiliki komputer. Lama kelamaan, setiap rumah mampu memiliki internet. Bagaimanapun, mereka tidak sedar berkemungkinan satu komputer di rumah bagaikan seekor serigala dalam satu keluarga. Benar bahawa menerusi internet, kita dapat memahami corak kehidupan, bentuk pemikiran dan perubahan sikap masyarakat semasa. Ini dapat dibuktikan sementelahan kita menekuni dengan teliti maklumat liar dan licik yang disebarluaskan menerusi media maya dan media digital. Terpapar di skrin komputer mahupun skrin telefon pintar, syaitan dan malaikat saling bersaing untuk merebut perhatian manusia. Ke manakah kebanyakan manusia cenderung menyerahkan diri mereka? Ini keajaiban sekali gus keaiban internet. Manusia membina lantas membinasakan.

Peranan dan pengaruh internet (media maya dan media digital) tidaklah terbatas dalam mandala mikroskopik sahaja kerana internet bagaikan gergaji bermata dua. Sisi pertamanya, internet dapat mendekatkan jarak yang jauh. Dua rakan yang saling berjauhan dapat berhubung dengan mudah menerusi internet. Sisi keduanya, internet dapat menjauhkan jarak yang dekat. Makan malam sekeluarga terasa sepi kerana setiap penjamu sibuk melayani telefon pintar masing-masing. Kehangatan suasana makan malam telah menjadi dingin lups kecanduan media maya. Kesemuanya ini berlaku setelah berkembang pesatnya internet. Dalam konteks ini, pengaruh internet turut berbentuk polikromatik. Internet mampu menggerakkan kebangkitan masyarakat massa, selain menjadi pesaing sekali gus pengancam media massa konvensional, khasnya media cetak. Perkembangan internet sangat definitif kerana media maya dan media digital berperanan penting sebagai penimbal dan pengimbang maklumat yang disebarluaskan media konvensional. Akibatnya, minda manusia turut dibasuh – terdedah dengan kerencaman propaganda – pelbagai media global dan glokal (Petras dan Veltmeyer, 2014).

Melalui internet, masyarakat massa yang sangat memerlukan maklumat seimbang dapat membentuk pendirian, perspektif dan pemikiran kontradiktif berbanding dengan media arus perdana. Ini mengakibatkan manusia mengambil sikap kritisisme dan antagonistik terhadap sesuatu isu semasa (Friedman, 2011) mahupun isu yang sengaja diisu-isukan. Akibat rempuhan maklumat internet, manusia lebih mudah terpengaruh. Mereka terkesima dengan kepantasan internet mempengaruhi tatafikir dan tatalaku manusia sama ada maklumat tersebut sahih (asli, tulen dan benar) mahupun fitnah (palsu, celaru dan keliru). Inilah kekuatan sekali gus keberbahayaan internet. Manusia yang hanya melihat dan mendengar seimbas lalu – terlalu percaya dengan media arus perdana glokal dan global – amatlah sukar bagi mereka untuk membezakan antara kesahihan dengan kepaluan hatta propaganda dengan kebenaran (Lim dan Har, 2007). Manusia dan kemanusiaannya sedang punah-ranah akibat kebejatan tangan mereka sendiri – senjata makan tuan.

## 7. Kemuraman Moral, Kesuraman Spiritual

Sebelum era siber, perhatian manusia hanya tertumpah kepada media konvensional (media cetak dan media elektronik). Kini, cakupannya merangkumi media maya dan media digital. Dunia dulu, kini dan selamanya ialah dunia serba mungkin (Fareed Zakaria, 2011). Yang benar, dipandang salah. Begitu juga sebaliknya. Yang baik, dipandang buruk. Matahari yang terbit di timur ribuan tahun dahulu, matahari itulah yang terbenam di barat hari ini. Gara-gara perkembangan teknologi maklumat yang canggih-manggih, segala macam maklumat telah bertepuk-tepek di kelopak mata dan terngiang-ningiang di cuping telinga. Dunia di hujung jari. Inilah racun dunia siber. Negara maju terus maju. Negara miskin kekal miskin (Reinert, 2016). Miskin ilmunya, miskin moralnya.

Salah guna terhadap teknologi internet telah menjalarkan bahaya yang berlarut-larutan. Internet terdedah kepada penyelewengan manipulator yang kemaruk dengan runtunan nafsuwi dan duniawi (Ure, 2021). Akibatnya, sebahagian daripada pengisian internet (media maya dan media digital) bercanggah dengan keluhuran moral dan maruah manusia. Melalui internet, manusia disajikan sebebas-bebasnya dengan gambar dan dialog lucah. Siapa peduli? Jika mereka tidak dididik dengan seksologi (ilmu seks yang benar), mereka disogok dengan pornografi (seks songsang syaitanism). Jika dibiarkan, internet akan menjadi lubuk virus maksiat dan pewabak keruntuhan moral generasi muda abad ke-21. Korupsi internet terus merebak tanpa sempadan dalam bentuk rasisme dan ekstremisme agama (Huntington, 2003). Yang berdosa bukanlah internet, tetapi *manusyai* (manusia-syaitan) yang berkeliaran dalam dunia maya.

Melalui internet, kaum bobrokisme anti-Islam pernah mengubah ayat-ayat Al-Quran untuk memesongkan akidah Islam. Internet dieksplorasi sebagai medan tempur maya untuk melancarkan serangan memburuk-burukkan Islam. Puak anti-Islam terus giat dan gigih memburuk-burukkan Islam dengan momokan fundamentalisme, terorisme, radikalisme dan ortodokisme (Huntington, 2003). Inilah dakyah dan fitnah yang tersalur sebebas-bebasnya melalui internet, tanpa sempadan dan batasan, seumpama api dalam sekam. Lama-kelamaan, manusia membunuh sesama manusia dengan bersenjatakan media maya dan media digital. Lagi luas liputannya, lagi dahsyatlah kepunahannya.

Satu lagi kelebihan internet (media maya dan media digital) yang belum dimanfaatkan sepenuhnya ialah peranannya sebagai medium pembangunan negara-bangsa Malaysia. Internet boleh membina, boleh pula meruntuhkan. Ini amat bergantung dengan pengisianya dan cara penggunaannya (Lim dan Har, 2007). Sehingga kini, kerajaan telah menyediakan laman web khusus untuk menjana dasar, gagasan dan aktiviti pembinaan bangsa-negara Malaysia. Melalui laman web ini, aspirasi kerajaan dapat diserantakan secara meluas kepada pengguna internet, khasnya kaum belia. Mereka lah pewaris bangsa dan negara ini. Sejujurnya, cita-cita ini belumlah berhasil. Generasi muda tidak tertarik dengan maklumat rasmi kerajaan kerana pengolahannya kaku dan lesu – tidak punyai daya tarikan tersendiri. Generasi muda hari ini lebih gemar meratah bahan hedonisme (ketagihan hiburan liar), narsisme (syok sendiri), populariti dan glamoriti (Petras dan Viltmeyer, 2014 dan Raja Ahmad Aminullah, 2011). Dari segi ini, pihak berwajib masih gagal membentuk minda dan mengasuh jiwa generasi muda selaras dengan Rukun Negara, Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Berdasarkan pengamatan penulis sejak akhir 1990-an, mereka lebih mudah terpedaya dengan muslihat syaitanisme di sebalik teknologi dajalisme.

## 8. Kesimpulan

Gelombang ganas media maya dan media digital terus melanda seluruh dunia. Tidak ada sesiapa pun yang terlepas daripada cengkaman arus yang berbahaya ini. Maklumat hitam menenggelamkan maklumat putih. Manusia global yang bukan kesemuanya bodoh, tetapi terlalu ramai yang bodoh-bodo, mendepani perubahan ini dengan pelbagai reaksi. Sebahagiannya terlalu melulu, semua maklumat ditelan licin. Sebahagiannya terikut-ikut sahaja, terjerumus dalam lembah fitnah. Segelintirnya tetap berwaspada sepanjang masa. Bagi golongan yang berhati-hati dengan radakan perubahan ini, mereka menghadapinya dengan tahap kewaspadaan yang tinggi dan takat penapisan yang ketat. Tanpa kritisisme, natijahnya nihilisme – hampa dan hampas. Manusia menghancurkan manusia. Orang yang belayar dengan kapal batu, kapalnya pasti tenggelam.

## 9. Penghargaan:

Penulisan ini ditaja oleh pelbagai dana: Geran Penyelidikan Bidang Keutamaan Fasa 1/2021 (Kod Projek: SBK0487-2021. Tajuk Kajian: Angkatan Gaya Baru (AGABA) Sebuah Gerakan Intelektualisme Di Sabah), Majlis Ugama Islam Sabah, Pusat Zakat Sabah, Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan (Jabatan Perdana Menteri), Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah dan Yayasan Taqwa, Wilayah Persekutuan.

## 10. Rujukan

(Catatan: Rangkuman idea utama yang menunjangi wacana ini telah dirangka sejak 1998. Ketika itu, penulis sangat positif dengan perkembangan internet. Setelah menilainya semula secara kontinuitif sehingga 2023, sebahagian besar pandangan penulis mengenai internet telah berubah, berikutan perkembangan pesat *facebook*, *youtube*, *wasap*, *telegram*, *instagram* dan sebagainya. Dalam tempoh 20 tahun, banyak perubahan (baik dan buruk) telah berlaku di serata dunia. Yang penulis benar-benar khuatir ialah kebodohan dan keserakahan manusia siber).

- Black, J. (2015). *Sejarah Dunia Yang Disembunyikan*. Jakarta: PT Pustaka Alvabet.
- Campbell, J. (2020). *Insaniversiti*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM).
- Chomsky, N. (2017). *Who Rules the World*. Yogyakarta: PT Bentang Pustaka.
- Coleman, J. (2014). *Rothschild Dynasty*. Jakarta Selatan: Change Publication.
- Epperson, A.R. (2012). *New World Order*. Jakarta Selatan: PT Ufuk Publishing House.
- Fareed Zakaria. (2011). *Dunia Pasca-Amerika*. Kuala Lumpur: ITNM.
- Firedman, T.L. (2010). *Dunia Sama Rata*. Kuala Lumpur: ITNM.
- Friedman, T.L. (2011). *Panas, Rata dan Sesak*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM).
- Fromm, E. (2020). *Gagasan Tentang Manusia*. Yogyakarta: IRCiSoD.
- Gingell, J. and Brandon, E.P. (2001). *In Defence of High Culture*. Malden: Blackwell Publishers.
- Hellman, Hal. (2009). *Perbalahan Hebat Dalam Sains*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Huntington, S.P. (2003). *Benturan Peradaban*. Yogyakarta: Penerbit Qalam.
- Lim, K.H. dan Har, W.M. (2007). *Globalisasi, Media dan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Machiavelli, P. (1989). *Penguasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mantle, J. (2013). *Syarikat Yang Mengubah Dunia*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Mohd. Michael Abdullah. (1995). *Pemikiran Kritis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordi Achie (Eds.) (2021). *Jiwa Merdeka*. Kuala Lumpur: Syihabuddin Press.
- Nordi Achie (Eds.) (2022). *Wacana Memperingati AGABA & K. Bali*. Kota Kinabalu: PERSIS.
- Petras, J dan Veltmeyer, H. (2014). *Menelanjangi Globalisasi*. Bantul: Kreasi Wacana.
- Raja Ahmad Aminullah. (2011). *Minda Tertawan*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Reinert, E.S. (2016). *How Rich Countries Got Rich and Why Poor Countries Stay Poor*. Bangi: Penerbit UKM.
- Stiglitz, J. (2012). *Merudum: Amerika, Pasaran Bebas dan Kejatuhan Ekonomi Dunia*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Ure, P.N. (2021). *The Origin of Tyranny*. Jakarta: PT Pustaka Alvabet.